

05/06/2000

Karya sastera Arab Saudi akan ke Malaysia

Nazar Abdul in Madinah

MADINAH, Ahad - Rakyat Malaysia akan berpeluang menikmati pelbagai hasil karya sastera dan penulisan sasterawan serta penulis Arab Saudi, hasil kerjasama antara kelab Sastera dan Kebudayaan Jeddah dan Gabungan Penulis Nasional (Gapena) semalam.

Ketua Satu Gapena, Tan Sri Ismail Hussein, berkata hubungan antara kedua-dua badan kesusasteraan itu bermula dengan kunjungan 20 anggota Gapena ke rumah kelab berkenaan di Jeddah.

Rombongan dari Malaysia berbincang dengan Pengerusi Kelab Sastera dan Kebudayaan Jeddah, Abdul Fatah dan Setiausahanya, Muhamad Ali Godus.

Pada pertemuan itu, Abdul Fatah membacakan beberapa syair manakala penulis Malaysia, Rejab FI turut membacakan sebuah puisi khas sebagai balasan.

Ismail berkata, hubungan antara sasterawan Arab Saudi dan Malaysia itu satu kejayaan besar kerana tiada ada sebarang hubungan antara kedua-dua pihak sebelum ini.

"Ahli Kelab Sastera Jeddah sangat berminat untuk meningkatkan hubungan dengan Gapena," katanya.

Kelab Sastera Jeddah adalah satu-satunya badan kesusasteraan yang aktif dan maju di Arab Saudi sehingga memiliki bangunan sendiri dan mengelolakan percetakan pelbagai karya sastera tempatan.

Sempena kunjungan rombongan Gapena itu, Ismail dan ahli rombongan menerima beberapa buku karya sastera penulis dan sasterawan Arab Saudi.

Katanya, beberapa karya sastera berkenaan akan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Malah, beliau berkata, beberapa buku catatan Malaysia juga akan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab untuk dibaca oleh peminat sastera di negara itu.

"Gapena memang sedang mencari karya Arab Saudi untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu," katanya.

Beliau berkata, karya sastera Arab Saudi lebih sesuai dan bagus daripada karya negara Arab lain dari fahaman agama Islamnya.

Sementara itu, sebagai susulan kepada kerjasama itu, Gapena akan menjemput pemimpin dan beberapa ahli Kelab Sastera Jeddah ke majlis Hari Puisi ke 11 di Langkawi akhir bulan ini.

Ketua rombongan Arab Saudi akan diberi peluang membacakan puisi mereka pada majlis berkenaan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)